



September - Disember 2009 Edisi Ketiga

BULETIN hepapa

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Tahniah!

Kepada

YG. BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN

Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Di atas pengurniaan
DARJAH MULIA SERI MELAKA (D.M.S.M)

Daripada

SELURUH WARGA BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI, (HEPA)



LB
3602
.B84
2009
a
v3

MERIAH!!

LB3602 .B84 2009 v3



87515886



Mutiara Kata

“Kegagalan hari ini bererti pendorong,
namun kejayaan semalam bukan bererti
kemegahan, oleh itu gantungkanlah cita-citamu
setinggi-tinggi bintang di langit dan rendahkanlah
dirimu serendah-rendah rumput di bumi”

Universiti Teknikal Malaysia Melaka



Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka	
No. Perolehan MKCKJ 60330	No. Panggilan LB 3602 -884
78 DEC 2010	

Apa Kata Editor...

Assalamualaikum dan Salam 1 Malaysia

Bertemu kita sekali lagi pada Buletin Edisi Ke-3, 2009. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru 1431 Hijrah dan Tahun Baru 2010. Meskipun tahun 2009 telah berlalu, saya berharap agar setiap daripada kita semua masih lagi tekun dalam mempertingkatkan keazaman diri sendiri dan sentiasa mendekati diri kepada-Nya yang Maha Esa. Kita sedia maklum, Malaysia menghadapi pelbagai cabaran yang terdedah dengan pelbagai unsur negatif dan juga gejala sosial kronik yang melanda masyarakat dewasa ini seperti lumba haram, ragut, rogol, penyalahgunaan dadah dan sebagainya.

Justeru itu, golongan belia dan juga mahasiswa merupakan kumpulan modal insan yang sepatutnya dicerna secara betul dan mengikut landasan yang tepat. Mereka juga merupakan payung dalam merencanakan aktiviti berfaedah secara terancang dan teratur mengikut kehendak semasa.

Dengan perancangan dan pelaksanaan program yang bersistematik, hala tuju golongan belia dan mahasiswa dapat dipandu dengan lebih terarah mengikut aspirasi negara yang ingin melahirkan golongan tersebut yang kompetitif, berdisiplin, berpengetahuan dan berketrampilan. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua dalam memperkasakan golongan tersebut dan mengajak mereka untuk sama-sama bertanggungjawab bagi menjamin keselamatan disamping memberi sumbangan berharga untuk kemakmuran negara. Kita tidak boleh membiarkan mereka terus hanyut dengan gejala negatif kerana kesannya amatlah besar kepada kelangsungan pembangunan negara.

Prof. Dr. Yusof Al-Qardhawi telah berpesan dan menyatakan : "Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya (belia dan mahasiswa) pada hari ini. Sekiranya golongan pada hari ini adalah daripada kalangan berakhlak mulia dan berhemah tinggi, tentunya negara kita akan datang adalah sebuah negara yang aman dan makmur. Tetapi jika keadaan sebaliknya, bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku." Demikian pentingnya golongan belia dan mahasiswa kepada negara selain menjadi pewaris dan cermin wajah negara masa hadapan.

Sekian.

Mahathir Mazizan



"Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya (belia dan mahasiswa) pada hari ini. Sekiranya golongan pada hari ini adalah daripada kalangan berakhlak mulia dan berhemah tinggi, tentunya negara kita akan datang adalah sebuah negara yang aman dan makmur."

Prof. Dr. Yusof al-Qardhawi
Ilmuan Islam



KANDUNGAN

02-03
06-07
08-09
10-11
12-13
14-15

MUTIARA KATA
APA KATA EDITOR

WAWANCARA BERSAMA
DEKAN HEPA

SOROTAN PESTA KONVO
BENGKEL DEBAT
KEMPEN DERMA DARAH
HARI RAMAH MESRA SPRM MELAKA

DESARU-SINGAPURA 2009
SEMINAR 1 MALAYSIA
UTeM JUARAI KATEGORI KUMPULAN
NASI AYAM HEPA JADI TUMPUAN

PRS DI DESARU
KEMBARA IMAN KEMBALI
MENCARI MUTIARA LAILATUL QADAR
1430H
MOON FESTIVAL MERIAH

AKTIVITI USRATI HEPA 2009

UTeM

September - Disember 2009 Edisi Ketiga

BULETIN
HEPA



16



19



22



24




21



23



30



25

16-17

MESYUARAT MAKUMA KE-20
TEKAD PASUKAN UTeM
LATIH USAHAWAN MUDA UTeM
BADAR SERTA WEHDAH 09

18-19

DEBAT DIRAJA 2009
AUteM ANJUR WACANA PEMIKIRAN AL-MUHADDITH
MELENTUR BULUH BIARLAH DARI REBUNGNYA
BOLING PIALA PENGETUA 2009

20-21

ASAS SUKAN MENDAKI
PEMIMPIN HARAPAN
USRATI ANJUR MAJLIS RAMAH MESRA

22-23

PEMIMPIN UTeM KE PORT DICKSON
PESTA PANTUN FESTKUM 09
RENTAP MINDA
CHERATING SAMBUT WARGA HEPA

24-25

DUR ADIKARYA
GEN Q-JELAJAH TIRAM INDAH VILLAGE
KOR SUKSIS UTeM TABUR BAKTI
TERUJA SELAMI TITIAN BUDAYA

26-27


INFO KAUNSELING
INFO BUDAYA
INFO DISIPLIN DAN KESELAMATAN PELAJAR

30-31

STAF DAN PELBAGAI
MUTIARA KATA

MUKA HADAPAN

Tahniah kepada
YG. BHG. PROF.
DATUK DR. AHMAD YUSOFF
BIN HASSAN
Naib Canselor Universiti
Teknikal Malaysia Melaka
Dia atas pengurniaan
DARJAH MULIA SERI MELAKA
(D.M.S.M)
Daripada
Seluruh Warga Bahagian
Hal Ehwal Pelajar &
Alumni, (HEPA).



“Berapa lamakah tempoh Y.Bhg Prof menerajui Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni sebagai Dekan HEPA?”

Saya telah menerajui Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UTeM selama hampir 2 tahun lebih iaitu bermula pada 1 November 2007 sehinggalah pada hari ini. Saya telah diberi kepercayaan serta tanggungjawab bagi menerajui HEPA setelah tamatnya penerajuan Mantan Dekan HEPA yang lalu iaitu selama 3 tahun.

“Apakah cabaran besar dan sukar di atasi sepanjang tempoh Y.Bhg Prof menerajui pengurusan Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni?”

Cabaran besar yang saya hadapi selama menerajui HEPA dan saya anggap sukar untuk diatasi ialah cabaran dalam menjadikan mahasiswa/i UTeM berdikari dengan sendiri. Dengan erti kata lain mereka mampu berdiri dengan sendiri dalam melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Selain itu, mahasiswa UTeM khususnya dan mahasiwa IPT lain umumnya harus berdisiplin, pandai menguruskan waktu samada pengurusan waktu pembelajaran mahupun di dalam melaksanakan aktiviti ko-kurikulum dan kerja-kerja makmal serta juga ketika waktu mereka bersosial atau berinteraksi bersama rakan-rakan yang lain.

Di samping itu juga, cabaran yang sukar dilalui adalah dalam menghasilkan dan melahirkan mahasiswa yang kreatif dan inovatif. Apa yang saya maksudkan disini adalah mahasiswa yang berkebolehan dan tidak ketandusan idea dalam melaksanakan apa jua pekerjaan serta tugas yang dipertanggungjawabkan terutamanya dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti persatuan, kelab dan sebagainya.

“Bagaimana Y.Bhg Prof melihat mahasiswa/i masa kini, khususnya mahasiswa/i UTeM dan cabaran yang bakal mereka hadapi?”

Saya lihat mahasiswa masa kini terutamanya mahasiswa UTeM terlalu manja dan masih lagi banyak bergantung kepada sesuatu pihak dalam melaksanakan sebarang tugas atau aktiviti khususnya bergantung kepada bimbingan serta nasihat dari Penasihat-penasihat Akademik dan juga Pegawai-pegawai Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Bukan saya menghalang mereka untuk diajar, tetapi inilah masanya untuk mereka berdiri sendiri dalam melaksanakan segala apa yang dirancang setelah beberapa lama mereka mempelajarinya. Jika hal ini berterusan, mahasiswa kita dengan sendirinya tidak akan terus berusaha sepenuhnya hingga mereka tamat pengajian. Dalam erti kata lain, ianya dinamakan Student Base atau Student Oriented Activities.

Sepatutnya, segala perancangan dan perjalanan sesuatu program samada program universiti, fakulti dan HEPA, haruslah digerakkan sendiri oleh mahasiswa. Dari A sampai Z mereka harus belajar mengerakkan dan melaksanakan sesuatu aktiviti bukan Pensyarah atau Pegawai-pegawai.

Apa yang saya mahukan, mahasiswa kita sendiri yang mendatangkan idea-idea bernas berkenaan projek atau aktiviti yang hendak mereka laksanakan. Selepas itu, barulah kita membekalkan mereka dengan pelbagai sumbangan yang terdiri daripada sumber kewangan, infra atau pengangkutan dan macam-macam lagi.


Apakah perancangan yang telah dibuat dan ingin difokuskan dalam pengurusan HEPA pada 2010?

Dari segi perancangan Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UTeM pada tahun 2010 ini, ianya tidak lari dari apa yang diharapkan oleh Y.B Menteri Pengajian Tinggi kita iaitu difokuskan kepada aktiviti pembangunan sahsiah pelajar dan juga kualiti mahasiswa kita khususnya.

Apa yang diharapkan oleh Y.B Menteri Pengajian Tinggi kita bukan sahaja bagi melahirkan mahasiswa atau graduan yang proaktif namun mempunyai kualiti dalam pelbagai aspek terutamanya di dalam kebolehpasaran graduan samada diperingkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Sekiranya graduan UTeM mempunyai kualiti dari pelbagai aspek terutamanya kemahiran insaniah seperti kebolehan berfikir secara kreatif dan kritis, menyelesaikan masalah, mempunyai ciri-ciri kepimpinan, mempunyai daya keusahawanan dan pelbagai lagi, inilah yang akan menyebabkan peningkatan peratusan di dalam kebolehpasaran graduan di kalangan mahasiswa UTeM. Senang kata, selepas mereka tamat pengajian, mereka di "kejar" oleh pihak industri atau pihak lain untuk mengambil mereka berkhidmat di tempat mereka.

"Mahasiswa jangan mudah berputus asa dan harus mementingkan Bangsa, Agama dan Tanah Air. Jika mereka lupa itu semua, mereka akan tersisih jauh"



Y.Bhg Prof. Dr. Zolkepli bin Buang

merupakan seorang yang bersikap terbuka sepanjang menerajui HEPA. Beliau amat disenangi oleh mahasiswa kerana mudah didekati dan senang untuk berurusan khususnya yang melibatkan pembangunan sahsiah pelajar dan kebajikan pelajar. Beliau juga amat komited dalam menjalankan tugasnya sebagai Dekan HEPA UTeM.

"Apakah harapan dan nasihat Y.Bhg Prof ingin sampaikan kepada mahasiswa di UTeM?"

Saya menaruh harapan yang tinggi kepada seluruh mahasiswa UTeM agar mereka dapat menunjukkan satu nilai yang tinggi, bukan sahaja bercita-cita untuk mendapatkan segulung ijazah setelah menamatkan pengajian di UTeM, malah menimba sebanyak ilmu yang ada di universiti, ilmu yang diajar di bilik-bilik kuliah, ilmu dari aktiviti ko-kurikulum, berpersatuan dan menghadiri seminar-seminar serta ilmu dari projek sarjana muda yang mereka jalani.

Selain itu juga, mereka telah didedahkan dengan pengalaman yang begitu berharga dengan menjalani latihan industri selama 6 bulan yang mana mereka perlu menimba ilmu sebanyak mungkin dalam waktu yang begitu singkat. Mereka akan menjadi lebih matang dalam bertindak secara profesional dalam kerangka perancangan yang terarah secara strategik serta akan dipandang tinggi oleh pihak masyarakat setempat.

Itu yang saya harapkan, agar mahasiswa kini tidak terikat dengan ilmu yang didedahkan melalui bilik kuliah sahaja, malah dapat menimba pelbagai ilmu dari banyak sumber melalui pengalaman sendiri sebagai mahasiswa selama 4 tahun sebelum bergraduan.

SOROTAN PESTA KONVO KE-5

"Penganjuran kali pertama di Kampus Tetap menarik ramai pengunjung,"

Pesta Konvokesyen ke-5 UTeM telah berlangsung dengan jayanya selama 3 hari bermula 2 hingga 4 Oktober 2009. Pesta yang dianjurkan bersempena dengan Majlis Konvokesyen UTeM ke-5 telah diadakan di Perkarangan Tapak Pesta Konvo, Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal, Melaka. Bertemakan "Melestari Generasi Berinovasi", pelbagai aktiviti menarik disajikan sepanjang 3 hari pesta berlangsung. Acara dimulakan dengan program X-Robik yang bermula seawal 7 pagi, 2 Oktober 2009 yang turut dihadiri oleh Y.B Datuk Yaakob Bin Md. Amin, Pegawai-pegawai Kanan Universiti, warga UTeM, pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah sekitar Melaka dan masyarakat setempat.

Majlis perasmian pada kali ini telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat, Pro Canselor UTeM. Antara aktiviti-aktiviti lain yang disajikan kepada para pengunjung iaitu Pameran-pameran Agensi Kerajaan dan UTeM, Majlis Jamuan Hari Raya, Pameran Haiwan, Kempen Derma Darah, Sukan Antara Fakulti (SAF), Auto Show Interaksi bersama Upin dan Ipin, Pertandingan Tulisan Khat, Pertandingan Bintang UTeM, Forum Perdana, Pertandingan Gitar Akustik, X-Challenge, Eco-Challenge dan pelbagai lagi.

Kemeriahan pesta konvo selama 3 hari ini telah diakhiri dengan Malam Persembahan Kebudayaan Perpaduan 1 Malaysia yang menampilkan persembahan menarik antaranya Boria, Hamdolok dan Randai (Melayu), Fo Guang, Tarian Kipas dan Man Building (Cina), Kolatham, Bhangra dan Urume (India) dan persembahan Etnik.

Oleh : Mahathir Bin Mazizan

PERPA
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
UTeM



BENGKEL DEBAT

Oleh : Ahmad Ibrahim Bin Yaziruddin


Kelab Debat dan Pidato Bahasa Melayu, UTeM dengan kerjasama Unit Pengantarabangsaan, HEPA telah mengadakan Bengkel Debat Siri 2, 2009 yang bertujuan mendedahkan para peserta perihal pengurusan maklumat dan konsistensi pasukan.

Bercakap dalam kenyataan di sini, jurulatih UTeM yang juga merupakan salah seorang hakim Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia (MADUM), En. Kamarulnizam Bin Kamal, berkata bengkel debat yang diadakan pada 9 hingga 11 Oktober 2009 bertempat di Auditorium UTeM, Durian Tunggal ini bertujuan memberi pendedahan, peningkatan dan pemahaman tentang perdebatan secara lebih tepat selain mensasarkan penambahbaikan kelemahan pasukan debat UTeM.

Katanya, kesungguhan yang ditunjukkan oleh para peserta amat dikagumi dan sedikit sebanyak berjaya membantu para peserta meningkatkan prestasi perdebatan dengan pendedahan modul menarik. Antaranya, speaking drill, tayangan video debat, teknik penyusunan fakta yang efektif dan sebgainya.



Jurulatih kagum kesungguhan Pasukan Debat UTeM



KEMPEN DERMA DARAH DAN PAMERAN KESIHATAN

**FAKTA
DISERTAI
HAMPIR
200 ORANG**

Oleh : Noor Azam Bin Ahmad

Pusat Persatuan Pelajar (PPP), UTeM : Seramai hampir 200 orang telah hadir dalam menyokong dan menjayakan "Kempen Derma Darah dan Pameran Kesihatan" yang dianjurkan oleh UTeM Bikers dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UTeM dan Hospital Besar Melaka pada 15 dan 16 Oktober 2009.

Kempen yang berlangsung selama 2 hari kelolaan Hospital Besar Melaka dan UTeM ini bertujuan mengisi tabung derma darah dan menyedarkan orang ramai terutamanya warga UTeM akan kepentingan menderma darah serta cara menjaga kesihatan yang optimum. Secara purata, pada hari pertama seramai 90 orang telah menderma darah dan pada hari berikutnya seramai 100 orang telah menderma darah dan menjadikan jumlahnya seramai 190 orang. Walaupun kempen ini hanya berlangsung selama 2 hari, jumlah yang menderma darah adalah amat memberangsangkan dan haruslah diteruskan pada masa hadapan.

Sekretariat Pencegahan Rasuah, UTeM dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UTeM dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka telah menganjurkan Program Hari Ramah Mesra Bersama SPRM, Melaka pada 30 Oktober 2009 bertempat di Melaka International Bowling Centre (MIBC), Ayer Keroh, Melaka.

Program yang telah dirasmikan oleh Pengarah (Pemangku Penolong Kanan Pesuruhjaya) SPRM Melaka, Wan Yusoff bin Wan Ibrahim ini dilihat dapat merapatkan silaturrahim dan jalinan kasih sayang yang wujud antara warga UTeM dan juga SPRM Melaka. Seramai 80 orang telah sama-sama hadir bagi memeriahkan dan menjayakan program tersebut. Program yang bermula jam 3 petang ini, berakhir pada jam 6 petang.

Oleh : Muhamad Adam Bin Anomoddariff



80 sertai Hari Ramah Mesra Bersama SPRM Melaka



Oleh : Mahathir Bin Mazizan



27-29 Oktober 2009 : Sekretariat Majlis Kepimpinan dan Latihan Universiti-universiti Malaysia (MAKLUM) dengan kerjasama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah menganjurkan program Retreat Pegawai HEPA IPTA Malaysia 2009 bertempat di Desaru Golden Beach Resort, Johor.

Para peserta didedahkan dengan pelbagai modul menarik antaranya *leadership game*, isu semasa, *approach & negotiating skills*, *sharing experience* dan pelbagai lagi bagi menonjolkan potensi diri peserta dan merangsang ke arah perubahan secara positif serta meningkatkan semangat kerja berpasukan di kalangan warga HEPA.

Para peserta juga berpeluang melawat ke Singapura iaitu ke Universiti Teknologi Singapura dan Yayasan Mendaki yang bertujuan menimba pengalaman untuk merancang, melaksana, memantau serta menilai sesuatu yang dipelajari dan dikongsi melalui pendekatan kerja berpasukan berasaskan objektif dan secara sistematik.

"Dengan adanya program ini, pegawai-pegawai HEPA yang menerajui berpeluang untuk berkongsi idea dan pendapat dalam merealisasikan misi dan visi universiti dengan lebih efektif," kata Faizal Bin Abdul Rahman, Penolong Pendaftar HEPA, UTEm.



" Dengan adanya program ini, pegawai-pegawai HEPA yang menerajui berpeluang untuk berkongsi idea dan pendapat dalam merealisasikan misi dan visi universiti dengan lebih efektif."

DESARU-SINGAPURA 2009



Mahasiswa Kolej Yayasan Melaka (KYM), Kolej Universiti Islam Melaka (KUIIM) dan Kolej Komuniti Alor Gajah turut serta.

Melaka : Konsep 1 Malaysia yang diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak adalah bukti keprihatinan kepimpinan beliau terhadap destini negara-negara Malaysia, perpaduan, kemakmuran, keamanan, keselamatan, kecemerlangan, keunggulan dan kelangsungan di hari muka.

Justeru itu, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Cawangan Khas UTEm dengan kerjasama NGO Alliance for One Malaysia (NGAM) telah menyahut cabaran bagi menganjurkan Siri Dialog 1 Malaysia Untuk Generasi Muda pada 21 Oktober 2009 bertempat di Auditorium UTEm, Durian Tunggal.

Program yang disertai seramai hampir 200 orang ini dikendalikan oleh Pengerusi NGAM, Datuk Mohamed Dahan Abdul Latiff. Dalam ucapan, beliau berkata, ia adalah bertujuan mendedahkan perincian gagasan 1 Malaysia dari pelbagai aspek kepada mahasiswa/i seluruh Malaysia selain membuka ruang kepada para mahasiswa/i bertukar-tukar pendapat dan menjana idea untuk menyokong gagasan 1 Malaysia.



Oleh : Jamadeel Izwan Bin Ibrahim

" Warga UTEm perlu menyumbangkan dayausaha untuk mendalami dan memperincikan konsep ini. Dayausaha ini dapat membantu konsep itu menjadi dasar perjuangan nasional yang efektif dan bermanfaat," kata Naib Canselor UTEm, Y. Bhg Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff bin Hassan ketika berucap pada majlis perasmian Seminar 1 Malaysia.

Dalam perkembangan lain, beliau menyeru agar warga UTEm semua mengekalkan dan menghayati perpaduan dalam kepelbagaian yang selama ini menjadi tunjang kekuatan Malaysia serta rakyatnya dan kelebihan ini akan dipelihara sebagai bekalan terbaik untuk menghadapi sebarang cabaran.

UTeM Juarai Kategori Kumpulan Pertama Ke Laluan Tjjarah

Oleh : Zainuddin Bin Abdul Hamid

10 Oktober 2009 : Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan kerjasama Johor Corporation (JCORP) telah menganjurkan Pertandingan Catur Bistari Terbuka IPT Peringkat Kebangsaan bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.

Cabaran Catur Bistari ini bertujuan mencetuskan minat dan kesedaran mengenai bidang keusahawanan dan pengurusan kewangan seterusnya membentuk budaya dan minat keusahawanan di kalangan generasi muda untuk menjadikan keusahawanan sebagai salah satu kerjaya pilihan. Selain itu juga, ia dapat memupuk nilai-nilai keusahawanan yang tulen, minda keusahawanan, kemahiran dan kecekapan dalam membuat keputusan serta mengembangkan jaringan rangkaian usahasama dan memajukan perniagaan.

UTeM telah menghantar 2 pasukan yang terdiri daripada 12 orang pelajar sekaligus memenangi tempat ke enam dan menerima hadiah berupa hamper dan baucer KFC. Pasukan tersebut juga telah berjaya mendapat hadiah dalam Kategori Kumpulan Pertama Ke Laluan Tjjarah dan menerima hadiah wang tunai RM 3,000.00, plaque dan sijil penyertaan.

FAKTA
DISERTAI
70
PASUKAN



UTeM  HEPA
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Oleh : Mahathir Bin Mazizan

"Nasi Ayam" merupakan menu utama yang disediakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, HEPA dalam meraikan majlis gilang gemilang Sambutan Idulfitri Peringkat Universiti 2009. Kemeriahan majlis tambah meriah kerana buat julung kalinya diadakan di Perkarangan Dewan Besar UTeM, Kampus Induk, Durian Tunggal pada 14 Oktober 2009 bersamaan 25 Syawal 1430H. Selain "nasi ayam", HEPA juga menyediakan pelbagai jenis air dan beraneka kuih raya.

Walau dihipit kesibukan dengan tanggungjawab harian, kegembiraan dan kerianan semua staf HEPA tergambar apabila berganding bahu bersama-sama menghiasi gerai yang telah disediakan dan melayani tetamu yang hadir. Majlis perasmian yang telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Canselor UTeM, Tun Datuk Seri Utama Mohd. Khalil bin Yaakob adalah bertujuan mengeratkan lagi tali silaturrahim di antara warga UTeM umumnya dan juga staf HEPA khususnya yang mana keseluruhannya telah mengambil inisiatif dan berkerjasama bagi menjayakan program tersebut.



Nasi Ayam **HEPA**
jadi TUMPUAN !!

Oleh : Siti Saudah Binti Shafei

9-11 Oktober 2009 : Pembimbing Rakan Siswa, UTeM dengan kerjasama Unit Kaunseling dan Kemajuan Akademik Pelajar, HEPA telah menganjurkan Kursus Asas Pembimbing Rakan Sebaya bertempat di Desaru Hostel, Desaru, Johor.

Program yang melibatkan seramai 60 orang peserta ini disajikan dengan pelbagai modul menarik antaranya Ice Breaking dan Kenali Saya, Team building, Kemahiran Asas Kaunseling, Night Walk dan Kemahiran Kaunseling Berkelompok. Selain itu juga, para peserta berpeluang untuk menyampaikan sesi ceramah, dan memberi pandangan berkenaan 'Creating PRS Module' dan 'Pembentangan modul PRS'.

"Ia bertujuan mendedahkan teknik-teknik asas PRS seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran mendengar, kemahiran melayan yang penting untuk diketahui dan diamalkan oleh ahli-ahli PRS" kata Norhazirah Binti Jaafar, Pengarah program.

Menurutnya lagi, ia mampu melahirkan sifat kepimpinan, bertanggungjawab dan mesra di kalangan ahli-ahli PRS seterusnya membantu rakan-rakan siswa UTeM yang bermasalah dari segi emosi, mental, akademik, dan peribadi.

"Memberi pendedahan teknik-teknik asas PRS seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran mendengar dan kemahiran melayan"



KEMBARA IMAN KEMBALI!

Oleh : Razman Bin Roslee

9-11 Oktober 2009 : Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) dengan kerjasama Unit Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah menganjurkan program Kem Kembara Iman Siri 2, 2009 bertempat di Kem Lambaian Dantau, Jasin, Melaka. Seramai 150 pelajar yang terdiri daripada pelajar tahun 1 UTeM telah menyertai dan memberikan komitmen yang padu dalam menjayakannya. Program selama tiga hari dua malam ini diisi dengan pelbagai pengisian ilmiah dan riadah antaranya ceramah, LDK, kembara alam, treasure Hunt, qiamullail dan sebagainya.

Objektif utama program ini adalah untuk membina kemantapan sahsiah diri dalam aspek kerohanian dan fizikal selain mendidik dan memberi kesedaran kepada mahasiswa/i betapa pentingnya ilmu, iman, akhlak, moral dan etika. Selain itu juga, ia dapat memberi kesedaran betapa pentingnya ilmu pengetahuan agama terutamanya di peringkat remaja seterusnya dapat merapatkan hubungan silaturahim sesama insan.

Oleh : Razman Bin Roslee

11-12 September 2009 bersamaan 21-22 Ramadhan 1430H satu program Ihya' Ramadhan, Mencari Mutiara Lailatul Qadar anjuran Badan Dakwah & Rohani (BADAR) dengan kerjasama Unit Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni telah diadakan dengan jayanya bertempat di Masjid Al-Alami, MITC, Ayer Keroh. Dianggarkan seramai 400 orang peserta telah menyertai program tersebut yang terdiri daripada warga UTeM, masyarakat setempat termasuklah warga Universiti Multimedia (MMU), Melaka.

Program ini bertujuan meraikan dan mengimarahkan bulan Ramadhan Al-Mubarak selain menanam ketaqwaan dan keimanan di dalam diri setiap muslimin dan muslimat. Pelbagai aktiviti menarik disediakan antaranya berbuka puasa beramai-ramai, solat berjemaah (maghrib, isya' dan terawih), sesi ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Hj Mohd Nazri Bin Hj Zainal, beri'tikaf dan tidur di dalam Masjid serta Qiamullai sehingga solat subuh diikuti dengan kuliah subuh bersama-sama.



MENCARI MUTIARA LAILATUL QADAR 1430H

Warga UTeM, MMU dan masyarakat setempat turut hadir

Oleh : Wong Wei Ming

Unit kebudayaan dan Warisan, HEPA dengan jayanya telah mengadakan Moon Festival UTeM 2009 bertempat di Kompleks Sukan UTeM, Durian Tunggal, Melaka pada 10 Oktober yang lalu. Ia bertujuan memperkenalkan tradisi dan kebudayaan kaum Cina serta memupuk semangat kekitaan di kalangan mahasiswa/i dan warga UTeM.

Dianggarkan seramai 500 peserta telah sama-sama memeriahkan dan menjayakan program tersebut. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Dr.Tay Choo Chuan, Penyelaras Pusat Pengajian Siswazah UTeM.

Pelbagai aktiviti disediakan kepada para hadirin antaranya persembahan tarian barat dan China, drama komedi, permainan station (sagu hati dan cabutan bertuah) dan diakhiri dengan acara "Walking Under Moon" iaitu berjalan sambil memegang tanglung di sekitar kampus tetap UTeM.



Kampus Tetap UTeM diterangi cahaya Tanglung

Moon Festival Meriah

M-Suites Hotel, Johor Bahru : Mesyuarat Majlis Kaunseling Dan Kerjaya Universiti-Universiti Malaysia (MAKUMA) ke-20 telah berlangsung dengan jayanya pada 16 Oktober yang lalu. UTeM yang diwakili oleh Cik Hadibah bte Tahir, Pegawai Psikologi, Unit Kaunseling dan Pemajuan Akademik Pelajar, HEPA berkata mesyuarat ini membincangkan pelbagai isu berbangkit antaranya isu perjawatan yang mana kebanyakan Pegawai Psikologi dibebani dengan tugas-tugas yang bukan bersifat kaunseling dan sedikit sebanyak menjejaskan profesionalisme Pegawai Psikologi.

Menurut beliau juga, modul latihan MAKUMA telah disediakan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berdasarkan format yang dihasilkan oleh UTM. Modul-modul yang terlibat ialah berkaitan dengan Pengurusan & Penyesuaian Diri di IPT, Pengurusan Kewangan, Pengurusan Stress, *Campus Survival*, *Goal Setting* dan Pengurusan Masa & Teknik Belajar.

Turut dibincangkan di dalam mesyuarat kali ini ialah Persidangan Rakan Sebaya Universiti-universiti Asean yang masih dalam tindakan selanjutnya. Program ini dicadangkan akan diadakan pada cuti pertengahan semester 2010 dan akan melibatkan seramai 150 orang pelajar antarabangsa.

Selain itu, mesyuarat ini turut membincangkan Seminar Perancangan Kerjaya (SPERK) yang dijadualkan akan berlangsung pada bulan Julai 2010 dimana objektif utama penganjuran ini adalah untuk mendedahkan mahasiswa/i berkenaan perancangan kerjaya.

Mesyuarat MAKUMA ke-20 di Johor Bahru

Dipengerusikan oleh Prof. Dr. Mohd Ridzuan B. Nordin buat pertama kali.

Oleh : Mahathir bin Mazizan

UTeM
HEPA
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



“Tekad Pasukan UTeM”

Pasukan Taekwondo UTeM mempunyai misi tersendiri apabila berjaya menggondol 7 pingat, iaitu 3 emas, 2 perak dan 2 gangsa sekaligus merangkul tempat pertama keseluruhan di Kejohanan Taekwondo (WTF) Jemputan Antara Kelab-kelab Kuala Muda, 2009 pada 20 hingga 22 November yang lalu bertempat di Kompleks Sukan MODENAS, Gurun, Kedah.

Jurulatih Michael Bong berkata, pasukan UTeM telah menunjukkan prestasi yang sangat baik tetapi masih banyak ruang yang perlu dibaiki supaya menjadi lebih cemerlang.

“Melalui kejohanan ini juga, atlit-atlit UTeM dilihat dapat mempelajari banyak ilmu taekwondo serta menyedari kelemahan masing-masing yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan bagi menghadapi serta mempersiapkan diri ke kejohanan Majlis Sukan Antara Universiti-universiti yang akan berlangsung pada tahun 2010,” katanya selepas sesi latihan.

Program anjuran Kuala Muda Taekwondo Academy dengan kerjasama UMNO Bahagian Merbok ini telah dirasmikan oleh Y. B. Dato Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain, Penyelaras Parlimen Merbok.

Beraksi tenang dan mental kuat pastikan UTeM perolehi Juara keseluruhan.



Oleh : Loo Seong Eng

LATIH USAHAWAN MUDA UTeM

kerjasama HEPA, FPTT, INSKEN, PNB beri peluang bakal siswazah berniaga

Oleh: Mahathir bin Mazizan

KELUAR

Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UTeM mengadakan kerjasama dengan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Perbadanan Nasional Berhad (PNB) dan Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawan (FPTT), UTeM bagi memberi peluang kepada penuntut tahun akhir menjadi usahawan muda keluaran UTeM.


Menyerusi program itu, penuntut berpeluang memahami aspek yang berkaitan dalam bidang keusahawanan dan melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan siswazah UTeM sebagai persediaan membuka perniagaan sendiri dengan modal disuntik INSKEN.

Penolong Pendaftar Unit Keusahawanan HEPA, En. Zainuddin bin Abdul Hamid berkata sebagai permulaan seramai 40 penuntut tahun akhir dipilih mengikuti program Latihan Keusahawanan Siswa Modul 3-5 yang diadakan pada 15 sehingga 17 November yang lalu bertempat di Glory Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.

"Sepanjang tempoh itu, mereka akan diberi pendedahan dari segi kepimpinan, pemasaran, ketahanan diri, pembentukan rancangan perniagaan, pengurusan organisasi perniagaan, perundingan perniagaan dan kejurujualan bagi menguruskan perniagaan.

"Mereka bukan dilatih untuk menjadi pekerja, tetapi sebagai majikan dan berkemampuan untuk mencari pekerja. Ini peluang keemasan kepada penuntut tahun akhir UTeM yang mahu bergelar usahawan muda. Peluang menyertainya tidak seharusnya dilepaskan kerana impian untuk menjadi usahawan muda yang berjaya terbuka luas,"katanya.

FAKTA
40 Pelajar tahun akhir dipilih sertai program



22-25 November 2009 : Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menganjurkan Konvensyen Pendakwah Muda Peringkat Kebangsaan (WEHDAH 09) bertempat di Nilai, Negeri Sembilan.


Konvensyen yang dihadiri seramai 700 mahasiswa/i daripada IPT seluruh Malaysia ini disaji dengan pelbagai-pengisian menarik seperti wacana, bengkel, sesi forum, sesi preview ESQ 165 dan sebagainya. Sesi wacana dan forum menampilkan penceramah hebat serta berpengalaman dalam pentas dunia dakwah seperti Ustaz Pahrol Juoi, Dato' Hj. Nakhaie Ahmad, Ustaz Kalam Mazad, Ustaz Shah Kirit Kalkul Govindji, Saudara Faisal Tehrani dan lain-lain.

"Dengan konvensyen seperti ini, pucuk pimpinan BADAR, UTeM bagi sesi yang baru berpeluang berkongsi aktiviti-aktiviti dakwah yang dijalankan di peringkat kampus selain berkongsi pengalaman yang berbeza mengikut keadaan semasa. Secara tidak langsung juga, ia dapat memberi pendedahan kepada peserta kepelbagaian bentuk dakwah serta dapat mengaplikasikannya di kampus secara khususnya dan kepada masyarakat umumnya,"kata Nik Mohd Ouis Al-Qarnie Bin Yahya, peserta dari UTeM.

Ujarnya lagi, "WEHDAH 09" memberi pendekatan yang baik bagi memperkasakan strategi dan pengisian dakwah di kampus disamping menjalinkan hubungan baik dengan persatuan islam di semua IPT seluruh Malaysia.



Oleh: Razman bin Roslee



Hampir 700 mahasiswa/i IPT seluruh Malaysia turut serta.

BADAR sertai "WEHDAH 09"


AKTIVITI USRA



Tah



TI HEPa 2009




Bacaan Yasin, Kuliah Bulanan & Kuliah

RAMADHAN 1430 H



Kejohanan Bowling

USRATI HEPa



Sambutan

HARI JADI DEKAN HEPa



Agihan Bubur Lambok, Kuih Raya, & Sumbangan

HARI RAYA



Hari Ramah Mesra Bersama

DEKAN HEPa

DEBAT DIRAJA 2009

6 Pendebat UTeM
diiktiraf Pendebat Terbaik

Oleh : Norsyareman bin Che Azmi

Kuala Lumpur : Pertandingan Debat Diraja 2009 antara IPT telah diadakan pada 3 sehingga 8 Disember yang lalu bertempat di Universiti Malaya. Pertandingan yang mendapat kerjasama daripada Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia (MADUM) ini disertai oleh hampir 20 Institut Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia. UTeM telah menghantar 4 pasukan debat yang terdiri daripada kumpulan Utama 1, Utama 2, Muda 1 dan Muda 2.

Sepanjang pusingan liga pertandingan Debat Diraja 2009 ini berlangsung, seramai 6 orang pendebat UTeM telah diiktiraf sebagai Pendebat Terbaik iaitu Ahmad Ibrahim bin Yaziruddin, Syareman bin Che Azmi, Nurul Artikah bt Mohd Shamsuddin, Thailis Bounya Anak Ngelayang, Liz Sharaziman bin Ramli dan Nor Syuhada binti Che Khalid.

Walaupun tidak berjaya mengungguli sebarang kategori, pasukan Debat UTeM telah mempamerkan prestasi cemerlang dan diharap dapat memperbaiki kedudukan serta prestasi pasukan pada tahap yang lebih baik pada masa hadapan.

HEPA
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
UTeM

AUTeM

Anjur Wacana Pemikiran Al-Muhaddith

Menghayati perjuangan, sejarah hidup dan keperibadian Prof. Dr. Sayyid Muhammad Ibn Alawi Al-Maliki Al-Hasani

Umum sedia maklum, usaha dakwah harus secara berterusan bagi menjamin kefahaman atas agama suci Islam yang dianuti. Namun, sejak kebelakang ini wujudnya pelbagai isu yang mengelirukan umat Islam terutamanya berkenaan perselisihan pendapat dan fahaman.

Justeru itu, Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) dan Yayasan Sofa, Negeri Sembilan menyahut cabaran bagi menganjurkan Wacana Pemikiran Al-Muhaddith : Prof. Dr. Sayyid Muhammad Ibn Alawi Al-Maliki Al-Hasani yang bertujuan memberikan penjelasan yang lebih mendalam kepada warga UTeM khususnya dan masyarakat setempat umumnya tentang maksud sebenar i'tikad Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Wacana Pemikiran yang disampaikan oleh Syeikh Muhammad Fuad Kamaludin Al-Maliki, Ahli Majlis Fatwa, Negeri sembilan ini berjaya menarik minat seramai hampir 150 orang bagi menghayati keperibadian, sejarah hidup dan perjuangannya dalam mempertahankan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah pada 4 Disember yang lalu bertempat di Auditorium Canselori, UTeM.

Selain itu, orang ramai juga turut disajikan dengan persembahan alunan Qasidah yang diundang khas, persembahan multimedia dan pemberian naskah buku.

Oleh : Al Amin bin Mohamed Sultan

"Melentur Buluh Biar Dari Rebungnya"

SPR UTeM sertai Konvensyen anjuran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Panggung Seni, UKM, Bangi : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT), Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjurkan Konvensyen Pencegahan Rasuah & Pemerkasaan Integriti Mahasiswa/i IPT 2009 pada 15 sehingga 18 November 2009.

Konvensyen yang telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, YB Dr. Hou Kok Chung ini bertujuan mengukuhkan integriti, menghapuskan jenayah rasuah, penyalahgunaan dan penyelewengan kuasa di kalangan rakyat Malaysia umumnya dan mahasiswa/i khususnya.

"Peserta dapat mengumpul idea-idea baru serta mengemukakan persoalan di minda untuk dikongsi bersama agar perkongsian pintar antara SPR IPT terjalin dengan baik bagi membanteras jenayah rasuah dan meningkatkan integriti rakyat Malaysia," kata Saudara Muhamad Adam Bin Ahamaddariri, peserta konvensyen dan juga Bendahari SPR UTeM.

Sukan merupakan medium integrasi antara kaum bagi merapatkan hubungan sesama mahasiswa dalam cara yang sihat dan berperanan membentuk insan yang cergas serta cerdas dalam komuniti. Di peringkat kolej kediaman, ia merupakan salah satu cara mahasiswa/i berinteraksi dan bersaing antara satu sama lain dengan cara yang lebih sihat.

Sehubungan itu, Exco Sukan & Rekreasi (Jawatankuasa Siswa Kolej), Kolej Kediaman UTeM Murni menyahut cabaran dalam menganjurkan Kejohanan Boling Piala Pengetua 2009 pada 28 Oktober yang lalu bertempat di Melaka International Bowling Centre (MIBC), Ayer Keroh, Melaka.

Presiden JAKSIS Murni, Saudara Nik Mohd Amir bin Nik Yahya berkata, selain bersaing secara sihat ianya juga merupakan platform dalam menggalakkan pelajar beraktiviti serta mencungkil bakat baru dalam permainan boling bagi mewakili universiti di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa selain memperkenalkan Jawatankuasa Kolej Kediaman Siswa (JAKSIS) kepada seluruh penghuni kolej khasnya dan pelajar UTeM amnya.


Menurutnya, objektif dan matlamat program ini tercapai melalui kerjasama oleh semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak.

"Ianya menjadi satu suntikan semangat dan meninggalkan impak yang besar kepada peserta dalam merintis revolusi menyemarakkan semangat cintakan kolej kediaman," katanya.

Oleh : Abdul Halim bin Hj. Mohamad Noh

Sambutan menggalakkan penganjuran kali pertama

BOLING **PIALA PENGETUA 2009**



HEPA
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
UTeM

Mahasiswa UTeM, UITM, UM turut serta program yang diiktiraf oleh SEACF.

ASAS SUKAN MENDAKI

Selangor : 16 hingga 19 November yang lalu, Kelab Rekreasi Ekstrem (Kerex) dengan kerjasama Unit Alumni & Kerjaya, UTeM telah menganjurkan Kursus Asas Sukan Mendaki (Tahap 1&2) bertempat di Gua Damai, Batu Caves.

Program yang mendapat pengiktirafan oleh South-East Asia Climbing Federation (SEACF) ini disertai hampir 40 orang peserta yang terdiri daripada mahasiswa UTeM, UITM dan UM. Ianya bertujuan mendedahkan para peserta kepada ilmu mendaki yang betul selain meningkatkan disiplin di kalangan mahasiswa dalam melakukan aktiviti lasak serta mampu meningkatkan daya fikir, ketahanan mental dan fizikal.

Sepanjang sesi latihan berlangsung, para peserta didedahkan dengan pelbagai modul menarik antaranya kelas teori karabiner, *climbing calls*, *wall climbing*, *rock climbing* dan mempelajari cara menggunakan alat-alat semasa mendaki serta cara yang betul untuk *belay*.

Selain itu juga, para peserta berpeluang mempelajari cara ikatan tali yang betul yang merangkumi ikatan *double figure 8*, *overhand knot*, *Italian hitch*, *bowline knot* serta didedahkan dengan pengetahuan *leading techniques*, *climbing techniques* dan *abseiling system* menggunakan tali prusik.

DAYA PIMPIN. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) memainkan peranan yang penting sebagai medan penghubung antara pihak pengurusan universiti dengan para pelajar. Ia juga berperanan bagi menyuarakan suara mahasiswa dan membantu pihak universiti dalam sebarang aktiviti serta menjadi tauladan atau pemimpin kepada rakyatnya.

Justeru itu, Unit Aktiviti & Perhubungan Pelajar, HEPA telah menyahut cabaran bagi menganjurkan Kursus Pengurusan Organisasi (KPO 09) pada 26 sehingga 28 Disember yang lalu bertempat di Sanctuary Resort, Cherating, Pahang.

Kursus yang dihadiri oleh bakal pemimpin baru UTeM ini bertujuan memberikan pendedahan awal berkenaan konsep kepimpinan dan persediaan menjadi pemimpin serta berperanan menjadi Ahli MPP yang mampu bertindak secara profesional dalam kerangka perancangan yang terarah secara strategik.

"Dengan pendedahan awal ini, bakal pemimpin mampu bersikap proaktif dan kreatif dalam meniti arus kehidupan selepas bergelar graduan seterusnya mampu memperingkatkan jati diri dan kualiti kepimpinan menerusi penglibatan di dalam organisasi dan pengurusan. Ianya juga bagi merealisasikan kepercayaan yang telah dipertanggungjawabkan oleh majoriti pelajar dan pihak pengurusan universiti," kata Nurul Shahidah binti Ahmad Nasir, Setiausaha program yang juga mantan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM sesi 2007/08.



Oleh: Mahahir bin Mazizan



Penyertaan mahasiswa UTeM ke 'KPO 09' amat menggalakkan

PEMIMPIN HARAPAN



Kehadiran staf lama dan baru menambahkan kemeriahan majlis

BERHIBUR. Seramai hampir 90 warga kerja Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), UTeM diraikan pada Majlis Ramah Mesra Bersama Dekan HEPA 2009 bertempat di Perkarangan Bangunan HEPA, Kampus Induk, Durian Tunggal pada 29 Disember yang lalu.

Majlis tersebut diadakan sebagai penghargaan kepada seluruh warga kerja HEPA, UTeM yang memberikan kerjasama yang padu dan bertungkus lumus dalam menjadikan Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni sesebuah institusi yang mampu melahirkan pelajar yang bertanggungjawab dan memahami aspirasi negara dan universiti serta peka terhadap masyarakat sekeliling.

Pada majlis tersebut, pelbagai acara diadakan seperti cabutan bertuah yang merupakan barangan elektrik dan hamper serta permainan sukaneka antaranya tiup belon, menganyam ketupat, body language, music chair dan pelbagai lagi.

"Tidak kira pangkat dan kedudukan, peranan semua pihak adalah sangat penting untuk memastikan kita dapat melaksanakan segala tanggungjawab yang diamanahkan dengan sifat bersatu padu dan tolong menolong antara satu sama lain," kata Dekan HEPA, UTeM, Prof. Dr. Zolkepli bin Buang.

Turut hadir memeriahkan majlis itu ialah Ketua Timbalan Pendaftar HEPA, En. Zainal bin Bidin dan Timbalan Pendaftar HEPA, Pn. Nornahar bte Akashah.

Oleh: Mahathir bin Mazizan



USRATI anjur Majlis Ramah Mesra

2010 merupakan tahun untuk Malaysia melonjakkan prestasi ekonomi bagi membolehkan negara terus maju dan mencapai matlamatnya. Dalam usaha mengapai dan meneruskan kecemerlangan kejayaan di masa hadapan, salah satu sektor yang perlu diperkasakan ialah keusahawanan.

Justeru, bagi memastikan kesinambungan, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Majlis Keusahawanan Universiti-universiti Malaysia (MAKMUM) telah menganjurkan Perhimpunan Pemimpin Keusahawanan Pelajar IPTA ke-2 pada 27 sehingga 30 Disember yang lalu bertempat di Coco Bay, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Bertemakan "Antara Cabaran & Isu-isu Keusahawanan Siswa", para peserta didedahkan dengan pelbagai modul menarik yang mengabungkan 4 unsur penting iaitu kepimpinan, keusahawanan, patriotisme dan inovasi & kreatif.

Penolong Pendaftar Unit Keusahawanan UTeM, En.Zainuddin bin Abdul Hamid berkata, perhimpunan seperti ini dilihat mampu melahirkan siswazah usahawan yang berdaya saing dan menjadikan kerjaya usahawan sebagai kerjaya pilihan serta membantu menjana pendapatan dan pekerjaan bagi siswazah lain.

"Program pembudayaan keusahawanan seperti ini merupakan langkah awal yang dilakukan oleh Kerajaan dalam usaha menyemai minat dan budaya berniaga dikalangan siswa IPT. Ini kerana, kajian menunjukkan bahawa kecenderungan seseorang siswazah memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan adalah masih kecil." tegasnya.

PEMIMPIN UTeM ke PORT DICKSON

Oleh: Mahathir bin Mazizat

10 peserta UTeM sertai Perhimpunan Pemimpin Keusahawanan anjuran UniKL, KPT dan MAKMUM



Universiti Teknikal Malaysia Melaka

PESTA PANTUN FESTKUM 09

Peserta bukan melayu UTeM curi tumpuan para juri

Oleh: Nor Syuhada binti Che Khalid

Pantun merupakan salah satu acara yang dipertandingkan di dalam Festival Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (FESTKUM) 2009 dan menjadi acara bagi merebut pingat, sama ada dalam kategori pemantun terbaik, mahupun kategori keseluruhan.

UTeM yang diwakili oleh Soong Hoong Cheng, Noraffa bte Khairi, Nor Syuhada bte Che Khalid dan Norsyareman bin Che Azmi memberikan gaya dan persembahan yang baik sepanjang sesi pertandingan berlangsung pada 10 hingga 12 Disember yang lalu bertempat di Kompleks Perdana Siswa (KPS), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Penganjuran Pesta Pantun FESTKUM kali ini dilihat dapat mengekalkan budaya pantun melayu agar tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas dan sepatutnya dihargai zaman-berzaman.

Walaupun pasukan pemantun UTeM gagal menggondol sebarang pingat untuk acara ini, namun mereka telah memberikan saingan yang hebat kepada semua peserta. Lebih membanggakan, satu-satunya pemantun UTeM bukan Melayu, Soong Hoong Cheng telah mendapat banyak pujian daripada juri-juri yang telah mengadili pertandingan.

RENTAP MINDA

MEDAN TERBAIK. Pertandingan Pidato Kemerdekaan Antara IPT 2009 yang diadakan pada 28 sehingga 30 Disember yang lalu bertempat di Hotel Flamingo, Ampang merupakan medan terbaik kepada golongan mahasiswa/i khususnya dan golongan belia umumnya dalam menunjukkan serta memartabatkan jati diri yang tinggi serta semangat setia dan cintakan negara.

Selain itu, penganjuran pertandingan kali ini dilihat dapat meningkatkan ciri peribadi unggul di kalangan peserta, sifat toleran serta sikap saling hormat menghormati antara kaum di Malaysia.

"Para peserta berpeluang meningkatkan pemikiran kritis dan berpandangan jauh terhadap kepentingan menghargai sejarah demi pencapaian kecemerlangan agama, bangsa dan negara. Secara tidak langsung juga, mereka mampu mengaplikasikan piawaian etika yang tinggi dalam amalan profesional dan interaksi sosial," kata Cecilia Contessa Balakrishnan, Pemidato UTeM (Kategori Bahasa Inggeris).

Pertandingan pidato kali pertama anjuran Yayasan Tunku Abdul Rahman dengan kerjasama Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia (MADUM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sempena perayaan bulan kemerdekaan ke-52 ini disertai sebanyak 22 buah Institut Pengajian Tinggi seluruh negara tetapi hanya lima yang terpilih untuk ke peringkat akhir.

Oleh: Mahathir bin Moazzan

UTeM hantar 2 wakil ke Pertandingan Pidato Kemerdekaan




BUDAYA KERJA. Kerajaan menyarankan budaya kerja berasaskan prestasi dengan menggunakan petunjuk prestasi utama (KPI) yang diterapkan dalam sesebuah organisasi bagi tujuan meningkatkan kualiti perkhidmatan sesebuah organisasi terutamanya Bahagian Hal Ehwal pelajar & Alumni.

Sehubungan dengan itu, Bengkel Perancangan Sasaran Kerja Tahunan 2010 dan Pembentangan Laporan Pencapaian Tahun 2009 Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UTeM telah berjaya diadakan bertempat di Holiday Villa Beach Resort, Cherating, Pahang pada 21 sehingga 23 Disember yang lalu.


Bengkel anjuran Unit Pentadbiran, HEPA ini dihadiri oleh semua Ketua Unit yang diketuai oleh Dekan HEPA. Ianya bertujuan membincangkan post-mortem aktiviti/program yang telah dijalankan sepanjang tahun 2009 dan langkah terawal bagi meningkatkan penambahbaikan perancangan pada tahun mendatang iaitu tahun 2010.

Bengkel ini juga merupakan salah satu langkah untuk memantapkan pentadbiran dan perkhidmatan yang berkualiti, berintegriti dan berakauntabiliti sejajar dengan pengukuran yang dibuat dengan semakan petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan.



Penganjuran Bengkel SKT berjaya dilaksanakan

CHERATING SAMBUT WARGA HEPA



Oleh : Mohd Afiq Bin Harun


Selangor : Festival berprestij peringkat kebangsaan, Festival Tari MAKUM 2009 telah diadakan pada 16 hingga 17 Oktober 2009 yang lalu bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. Program anjuran UKM dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan Malaysia ini telah disertai hampir 20 IPTA, antaranya UTeM, UMP, USIM, UDM, UniMAP dan sebagainya.

Sementara itu, pegawai pengiring, Cik Rosmiza bte Mohd Saad ketika ditemui berkata, Festival Tari ini bertujuan memastikan elemen-elemen kebudayaan khususnya di dalam bidang seni tari tradisional supaya terus dipertahankan dan mencipta idea-idea baru di samping mencungkil bakat-bakat baru di kalangan mahasiswa/i.

Ujarnya lagi, program ini juga berhasrat memantapkan kumpulan kesenian di peringkat IPTA selaras dengan perkembangan pesat dalam bidang kesenian sebagai satu pengisian kepada industri pelancongan yang semakin pesat dan berkembang maju. Beliau percaya, walaupun wakil UTeM tidak mendapat sebarang tempat di hati juri, namun Dur Adikarya tetap hebat di hati penonton.

DUR ADIKARYA

tetap hebat walaupun tewas



info budaya

Gen-Q

Jelajah Tiram Indah Village

Anjur aktiviti rohani elak mahasiswa/i terbahit gejala tidak sihat

Johor : Gen-Q, Exco Kerohanian, MPP UTeM menganjurkan program Kem Keindahan Bersamamu 2009 (KBM) berorientasikan keagamaan dan kerohanian untuk mahasiswa/i UTeM bagi mengelakkan mereka terjerumus dalam aktiviti negatif selain menyerapkan semangat pembinaan generasi modal insan dan bersahsiah serta membimbing para mahasiswa/i dalam mengenal tanggungjawab sebagai seorang anak, mahasiswa, sahabat, masyarakat dan hamba Allah.

Pengarah program, saudara Ahmad Shaiful Redha Bin Razak, berkata Gen-Q akan mendedahkan mahasiswa/i dengan pelbagai aktiviti keagamaan dan kerohanian agar golongan itu lebih berpengetahuan dalam bidang berkenaan.

"Kita mahu mahasiswa/i hari ini bukan saja digalakkan menyertai aktiviti kemasyarakatan tetapi juga terbahit dalam aktiviti berunsurkan keagamaan dan kerohanian agar kehidupan mereka lebih seimbang. Mereka adalah golongan yang akan menjadi pewaris dan menggantikan warga emas yang selama ini banyak menguruskan hal ehwal agama. Sehubungan itu, kita tidak lagi memandang remeh tugas berkaitan keagamaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika majlis perasmian Kem Keindahan Bersamamu (KBM) anjuran Gen-Q, Exco Kerohanian, MPP UTeM dengan kerjasama Unit Kerohanian, HEPA pada 20 sehingga 22 November yang lalu bertempat di Tiram Indah Village, Ulu Tiram, Johor Bahru, Johor.

Kem yang dihadiri seramai 100 orang mahasiswa/i UTeM itu mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada KBM Excellence Consultation dan Fasilitator Gen-Q, UTeM. Peserta juga didedahkan dengan pelbagai modul menarik seperti 3s' (salam, senyum dan sapa), memotivasikan diri, "nikmat oh nikmat", explorasi minda, "meniti angin malam", "antara semalam dan hari ini" dan sebagainya.

HEPA
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
UTeM

Pasukan pakaian beruniform pertama anjur program khidmat masyarakat

KOR SUKSIS UTeM TABUR BAKTI

MERIAH. Suasana keheningan perkampungan di Kampung Pulau Manong dan Kampung Ara Panjang bertukar menjadi riu-rendah dengan kehadiran Pasukan Kor SUKSIS UTeM yang menganjurkan Program Perkhemahan Tahunan bertempat di Hutan Lipur Ulu Kenas, Manong, Kuala Kangsar, Perak pada 21 hingga 27 Disember yang lalu.

Program yang disertai seramai 95 orang ini bertujuan membina ketahanan fizikal dan mental yang tinggi bagi menangani kerja berpasukan, memupuk semangat disiplin dan menerapkan nilai-nilai kepimpinan dikalangan peserta seterusnya mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di antara masyarakat setempat dan universiti.

Bagi menjayakan program yang dirancang, pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya gotong-royong membersihkan masjid, mengecat surau, masak beramai-ramai, ceramah agama, sukaneka serta perlawanan sukan iaitu Futsal, Bola Jaring dan pelbagai lagi. Selain itu, masyarakat setempat berpeluang mempersembahkan Tarian Perang yang dipersembahkan oleh Anggota Kor SUKSIS UTeM sendiri.

Dalam ucapan aluan Pegawai Khas kepada Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Encik Azizul Rahim bin Abdul Rahman berkata, beliau amat berbangga dengan kehadiran Anggota Kor SUKSIS UTeM yang diketuai oleh DSP/KS, Zainudin bin Ahmad yang juga merupakan pasukan pakaian beruniform pertama yang mengadakan program khidmat masyarakat di perkampungan mereka.



Oleh : Koperasi Azaini bin Ahamed,
Jurulatih Kor Suksis UTeM

Oleh : Netty Muhalizza Bte Mohd Fadzil

Pusat Persatuan Pelajar : Buat pertama kalinya UTeM menerima kunjungan persahabatan dari Unit Kebudayaan, Jabatan Sukan dan Ko-kurikulum (JSKK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada 25 hingga 26 Disember yang lalu. Delegasi yang diketuai oleh Cik Linira Ghazali ini bertujuan mengeratkan tali silaturrahim di samping memberi pendedahan yang sewajarnya kepada generasi kini mengenai nilai estetika dan komersil yang ada pada kesenian dan kebudayaan di Malaysia.

Menurut En. Zaini bin Abbas, Penolong Pegawai Kebudayaan UTeM, program Lawatan Balas Budaya 2009 ini sangat bermakna baginya kerana dapat merapatkan hubungan dua hala dan menyelami kebudayaan sekaligus memperkenalkan identiti kesenian di Malaysia umumnya dan Melaka khususnya. "Menerusi kemesraan yang terjalin, kami dapat melihat sendiri budaya di Melaka dan kenangan manis bersama warga UTeM tidak akan dilupakan selain berkesempatan mengunjungi ke Eye on Melaka serta turut menikmati juadah Asam Pedas dan akan dibawa pulang ke Kelantan untuk dihebahkan," kata Cik Linira Ghazali.

Dalam lawatan, UMK memulakan persembahan dengan Mengadap Rebab iaitu pembukaan persembahan Mak Yong, Joget Kelantan diikuti nyanyian oleh pelajar UTeM, muzik akustik, persembahan Dikir Barat dan Joget Lambak. Program ini juga diserikan lagi dengan kehadiran kanak-kanak dari Rumah Tunas Harapan Semarak Kasih, Bemban, Melaka.

Sehubungan itu, majlis perasmian penutup program berkenaan telah disempurnakan oleh Prof. Madya Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah selaku Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), UTeM.

Teruja Selami Titian Budaya

UMeM terima 60 warga UMK Lawatan Balas Budaya 2009



UNIT KAUNSELING & PEMAJUAN AKADEMIK PELAJAR, HEPA UTeM

KECERDASAN EMOSI : KEPENTINGAN UNTUK PELAJAR

Kecerdasan emosi merujuk kepada satu set keupayaan psikologi yang berkaitan dengan sukses kehidupan. Dalam buku *Self Science The Subject is Me* oleh Karen Stone, kecerdasan emosi mengandungi enam komponen utama iaitu kesedaran sendiri, pengurusan emosi, empati, komunikasi, kerjasama dan pengurusan konflik.

Kesedaran sendiri merupakan satu kemahiran emosi yang melibatkan keupayaan mengenalpasti perasaan dan melabelkan perasaan. Serta kebolehan mengaitkan antara hubungan perasaan dan tindakan. Individu yang mempunyai kesedaran sendiri yang tinggi mampu menangani ketidakstabilan emosi yang berpunca dari tekanan. Oleh yang demikian, para pelajar perlu menyedari emosi mereka dan jenis perasaan yang mereka hadapi. Pengurusan emosi yang positif berkaitan dengan cara kita mengurus kemarahan, ketakutan, tekanan, dan kesedihan serta bagaimana kita mencari ketenangan dalam kesusahan. Kebolehan menyalurkan emosi secara positif amat penting. Hal ini kerana pelajar akan berhadapan dengan pelbagai tekanan. Pelajar perlu dilatih mengawal diri sendiri serta memiliki keanjalan dalam menghadapi perubahan.

Empati adalah kebolehan untuk menyedari dan memahami perasaan orang lain. Empati melibatkan kebolehan melihat perspektif individu lain dan keupayaan mendengar tanpa menghukum dan melibatkan emosi dan bias sendiri.

Dalam membina perhubungan berkualiti, teknik dan seni berkomunikasi amat penting. Dalam komunikasi, benarkan kita menyalurkan perasaan yang sebenar atau menyorok dibalik lakonan dan adakah mesej yang hendak disalurkan sampai sebagaimana yang dirancang atau disalahtafsirkan oleh penerima mesej. Oleh itu, komunikasi adalah penting.

Bekerjasama penting untuk mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran. Seseorang mahasiswa perlu bergaul dengan bekerjasama kerana tugas dan aktiviti perlu mengambilkira penglibatan semua rakan dalam kumpulan. Kerjasama adalah asas kepimpinan yang paling berkesan. Kepimpinan yang berkesan menggalakkan kerjasama melalui penglibatan dan mengamalkan prinsip win-win situation atau menang-menang.

LATIHAN KE ARAH MEMBENTUK KECERDASAN EMOSI

Teknik-teknik latihan telah dikemukakan oleh pendokong-pendokong teori kecerdasan yang meliputi lima tahap :

Tahap Pertama

- Memahami kecerdasan emosi individu dan alam persekitaran.

Tahap Kedua

- Keprihatinan sendiri dan pengurusan sendiri.

Tahap Ketiga

- Pelajar dilatih mengaplikasi kecerdasan emosi

Tahap Keempat

- Pelajar belajar bagaimana mengaplikasi kecerdasan emosi untuk menghadapi cabaran-cabaran tugas sebagai pelajar

Tahap Kelima

- Menentukan halatuju dan pelan tindakan serta menggunakan cara pemikiran yang baru.

Konflik biasa berlaku dalam persekitaran sosial kerana terdapat pelbagai perbezaan pendapat dan tafsiran terhadap sesuatu. Tafsiran yang berbeza mencetuskan rasa tidak puas hati di kalangan pertentangan begitu lama tanpa bantuan maka ia akan menjadi kecewa dan stress. Kemahiran menyelesaikan konflik adalah satu daripada kemahiran kecerdasan emosi. Kemahiran emosi juga melibatkan keterampilan membuat perundingan.

"Apabila anda mengubah pemikiran, anda mengubah kepercayaan. Apabila anda mengubah kepercayaan, anda mengubah ekspektasi. Apabila anda mengubah ekspektasi, anda mengubah sikap. Apabila anda mengubah sikap, anda mengubah tingkahlaku. Apabila anda mengubah tingkahlaku, anda mengubah prestasi. Apabila anda mengubah prestasi, anda mengubah KEHIDUPAN."

TARIAN DONDANG SAYANG

Oleh: Cik Rosmiza Bte Saad

Info Budaya

Dondang Sayang merupakan satu persembahan nyanyian tradisional tulen yang masih wujud dan dikenali sehingga kini. Ia juga adalah nyanyian perantaraan dimana persembahannya diiringi oleh permainan alat-alat muzik melayu asli dan moden dan dipercayai muncul di Melaka pada zaman Kesultanan Melayu Melaka pada kurun ke 15 Masihi. Di dalam persembahan Dondang Sayang, terdapat pelbagai jenis pantun yang dinyanyikan di dalam Dondang Sayang seperti pantun, budi, kiasan, kasih sayang, sabung ayam dan sindiran.

Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, Dondang Sayang dinyanyikan tanpa iringan muzik. Pada masa ini persembahan Dondang Sayang berbeza sedikit kerana telah diiringi oleh satu kumpulan pemuzik yang khusus. Terdapat empat orang pemuzik dalam persembahan Dondang Sayang, masing-masing mempunyai tugas-tugas tertentu. Secara umumnya, muzik

Dondang Sayang dimulai dengan gesekan biola dan seterusnya diikuti dengan pukulan gendang serta gong. Setelah muzik pengenal Dondang Sayang dimainkan, penyanyi menyanyikannya mengikut tempo yang telah ditetapkan. Biola memainkan peranan yang penting dalam persembahan ini kerana ia dianggap sebagai ketua atau penyeri di dalam persembahan ini.

Kesalahan pelajar akan diklasifikasikan kepada dua bahagian iaitu Minor dan Major.

Info Disiplin & Keselamatan Pelajar

Kes Minor adalah kes-kes yang telah diklasifikasikan sebagai kes yang tidak serius sebagai contoh berambut panjang, pakaian tidak kemas, memakai selipar di sekitar kampus, pelajar perempuan memakai pakaian yang menjolok mata dan lain-lain. Walaupun Buku Peraturan Berpakaian Kemas telahpun diagihkan kepada setiap pelajar baru Universiti, mereka seolah-olah seperti tidak pernah didedahkan tentang peraturan tersebut.

Oleh yang demikian bermula tahun 2010 Unit Disiplin akan melakukan gerak gempur bagi menangani permasalahan ini kerana didapati pelajar sambil lewa dan tidak menitik beratkan Budaya Berpakaian Kemas di kawasan Kampus walaupun sepatutnya mereka perlu berbuat demikian demi menunjukkan kepada masyarakat imej seorang pelajar IPTA. Bagi kesalahan ini surat amaran akan dikeluarkan kepada pelajar, dendaan atau kedua-duanya sekali.

Kes Major pula adalah kes-kes yang diklasifikasikan sebagai kes serius dan perlu dihukum untuk memberi pengajaran kepada mereka tentang seriusnya kesalahan yang mereka lakukan. Sebagai contoh kes yang kebiasaannya dilakukan oleh pelajar adalah Penyelewengan Akademik. Rata-rata pelajar yang tertangkap melakukan Penyelewengan Akademik ini adalah dengan membawa nota ke dalam dewan peperiksaan. Ingatan ingin diberikan kepada pelajar bahawa membawa nota ke dalam dewan peperiksaan juga adalah merupakan kesalahan di bawah Penyelewengan Akademik kerana mempunyai niat untuk meniru di dalam dewan peperiksaan.

Walaupun telah diingatkan oleh Ketua Pengawas Peperiksaan berkenaan hukuman membawa nota, meniru mahupun cubaan meniru namun masih ada lagi pelajar yang cuba mencabar peraturan tersebut. Bagi kesalahan ini perbincangan akan dijalankan dan kebiasaannya pelajar akan digantung satu semester pengajian disamping itu mata pelajaran berkaitan akan diberi sifar. Ini amat merugikan pelajar dan menyusahkan keluarga dan diri sendiri.

Selamat Maju Jaya Dan Selamat Menyambut Tahun Baru Dengan Azam Yang Baru....

Oleh : Rafidah bte. Md. Dusa

Sidang Redaksi

Buletin HEPA Edisi 3



Penaung

1. Y. Bhg Prof Dr. Zolkepli Bin Buang

Penasihat

2. En. Zainal Bin Bidin

Editor

3. En. Mahathir Bin Mazizan

Pengarang

4. Dr. Raffidah Binti Haron
5. Dr. Muhamad Takrimi Bin Shahabudin
6. En. Zulkifli Bin Shariff
7. En. Abd Halim Hakim Bin Abd Aziz
8. Pn. Mahanum Binti Mohd Zamberi
9. En. Hassan Bin Attan
10. En. Ahmad Faizal Bin Abdul Rahman
11. Pn. Nurhafizah Binti Md. Yusoh
12. En. Amir Bin Ali
13. En. Tinta Firmannika Bin Selamat
14. Pn. Rafidah Binti Md. Dusa
15. En. Zainuddin Bin Abdul Hamid
16. Pn. Musliha Binti Yusoff
17. Cik Hadibah Binti Tahir

Pembaca Prof

18. Pn. Idamurni Binti Ismail
19. Pn. Mazne Bte Jaaffar

Publisiti & Promosi

20. Pn. Sabrina Bte Haji Saleh
21. Pn. Noor Yusniza Bte Yusof

Jurufoto

22. En. Safuan Bin Bidin

Wartawan

23. En. Mazlan Bin Mahat



Terima Kasih & Penghargaan
Bahagian Hal Ehwal Pelajar &
Alumni (HEPA)

Bahagian Perhubungan Awam &
Korporat (BPAK)

Penerbit
Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni
(HEPA)


Universiti Teknikal Malaysia Melaka
(Kampus Induk),
Karung Berkunci No.1752,
Pejabat Pos Durian Tunggal,
76109, Durian Tunggal, Melaka.

Tel: 06-331 6044/6236

Faks: 06-331 6116/6222

Web: <http://www.utm.edu.my/hepa/>

Universiti Teknikal Malaysia Melaka



Penaung





Penasihat



Editor

Pengarang



Pembaca Pruf



Publisiti & Promosi



Jurufota



Wartawan



Selamat Datang Staf Baru ke HEPA

Staf HEPA dari Jabatan Lain

Staf HEPA ke Jabatan Lain



Netty Muhalizza Binti Mohd Fadzil
Penolong Pegawai Kebudayaan, Unit
Kebudayaan & Warisan, HEPA



Zakariyah bin Zainal
Pembantu Tadbir (P/O), Unit Kerohanian
dari Bahagian Keselamatan, Pejabat
Pendaftaran



Mohd Safuan bin Bidin
Pembantu Tadbir (P/O), Unit Kerohanian
ke Pusat Pengajian Siswazah



Ahmad Farhan Bin Jamaludin
Atendan Kesihatan, Klinik Pelajar



Siti Sabrinah binti Buang
Pembantu Tadbir (P/O), Pusat Perkhidmatan
Pelajar dari Pusat Pengajian Siswazah



Sulaina binti Kamardin @ Kamarudin
Pembantu Tadbir (P/O), Unit Disiplin dan
Keselamatan Pelajar ke Bahagian Pengurusan
Akademik, Pejabat Pendaftaran



Muhammad Akmal bin Mad Yatim
Pembantu Tadbir (P/O), Unit Disiplin
Dan Keselamatan Pelajar



Azlan bin Azid
Pembantu Tadbir (P/O), Unit Kebajikan Pelajar
dari Pejabat Bendahari



Ismail bin Md. Nor @ Mohd. Nor
Pembantu Tadbir (P/O), Pusat Perkhidmatan
Pelajar ke Bahagian Pembangunan Sumber
Manusia, Pejabat Pendaftaran



Etyy Marina binti Muhamad Nor
Jururawat, Klinik Pelajar



Raiman bin Ismail
Pemandu Kenderaan, HEPA dari Pejabat
Pembangunan dan Pengurusan Aset



Mohd Sujairi bin Harun
Pembantu Tadbir (P/O), Unit Kebajikan Pelajar
ke Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan



Jamaluddin bin Abd Aziz
Pemandu Kenderaan, HEPA dari Pejabat
Pembangunan dan Pengurusan Aset

Melanjutkan Pengajian



Buletin HEPA mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada Pn. Idamurni binti Ismail (Ketua Penolong Pendaftaran, Bahagian Perkhidmatan Pelajar, HEPA) di atas kejayaan beliau melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana. Semoga kejayaan yang dicapai kelak dapat mendorong rakan sekerja HEPA @ UTeM untuk terus berusaha ke arah tahap luar biasa.

PELAJAR PRAKTIKAL

Buletin HEPA mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pelajar-pelajar praktikal yang mempamerkan prestasi cemerlang sepanjang tempoh perkhidmatan yang ditempatkan di Unit Aktiviti dan Perhubungan Pelajar bermula Ogos 2009 sehingga Januari 2010. Semoga segala yang dipelajari sepanjang perkhidmatan akan terus diaplikasikan dan terus berusaha ke arah tahap luar biasa seiring memartabatkan budaya kerja berpasukan dan berpandangan jauh.

Nama : Muhammad Izzat
Aiman Bin Ismail.

Nama : Yusliza Bt Yahya

Bidang : Diploma Teknologi
Komputer

Institusi : Politeknik Merlimau,
Melaka



Tahniah!

Tahniah diucapkan kepada kakitangan HEPA yang telah menerima 'Kehadiran' ahli baru dalam keluarga. Semoga dengan hadirnya ahli baru ini menambahkan lagi kebahagiaan rumahtangga kalian.



Zainuddin Bin Abdul Hamid
Penolong Pendaftaran, Unit Keusahawanan
Nama Anak : **Sufihana Dhania bte
Zainuddin**
Tarikh Lahir : 30 September 2009
Tempat Lahir : Hospital Besar Melaka



Dr. Muhamad Takrimi Bin Shahabudin
Pegawai Perubatan, Klinik Pelajar
Nama Anak : **Muhammad Thaqif bin
Muhamad Takrimi**
Tarikh Lahir : 26 November 2009
Tempat Lahir : Mahkota Medical Centre



Zairudin Bin Saib
Pemandu Kenderaan
Nama Anak : **Nur Amirah bte Zairudin**
Tarikh Lahir : 5 Disember 2009
Tempat Lahir : Hospital Besar Melaka



Mohammad Rafiee bin Sukiman
Pekerja Awam, Kolej Kediaman
Pangsapuri Bunga Raya
Nama Anak : **Nur Muhammad Syahmi
bin Mohammad Rafiee**
Tarikh Lahir : 21 Disember 2009
Tempat Lahir : Hospital Besar Melaka

Mutiara Kata

“Kalau kamu melihat seseorang berbudi luhur,
Berusahalah menyemai kebajikannya,
Dan Kalau kamu bertemu dengan seseorang
berbudi rendah,
Periksalah dirimu sendiri.”

Mutiara Kata

“Berusahalah dengan ikhlas tanpa memikirkan
balasan semata-mata,
Kerana semakin tinggi keikhlasan di dalam diri,
Semakin tinggilah balasan baik yang akan diperolehi
dalam keadaan sedar atau tidak.”



BUDAYA BERPAKAIAN KEMAS, BERSIH & SOPAN

Menepati amalan Masyarakat Malaysia

SISWA

- Kemeja lengan panjang / pendek bertali leher
- Seluar panjang bukan 'jeans'
- Berstokin dan kasut pejabat
 - Pakaian Kebangsaan
 - Memakai kad matrik
 - Bersongkok hitam (jika perlu tidak berkopiah)



Pakaian Formal :
Majlis Rasmi, Mesyuarat dan Temujanji dengan Pegawai serta Lawatan ke Luar Negara

SISWI

- Kemeja lengan panjang / pendek
- Seluar panjang bukan 'jeans'
- Berstokin dan kasut pejabat
- Pakaian seragam
- Baju kurung
- Memakai kad matrik

SISWA

- Baju T 'plain' berkolar ('tuck-in')
- Seluar panjang bukan 'jeans'
- Kemeja lengan panjang / pendek
- Kasut dan stokin (bukan selipar)
 - Memakai kad metrik



Pakaian Separa Formal :
Dewan Kuliah, Tutorial, Perpustakaan, Kafeteria dan Bangunan Pentadbiran

SISWI

- Kemeja lengan panjang / pendek
- Seluar panjang bukan 'jeans'
- Baju Kurung
- 'Blaus' sopan dan kemas (bukan 'jeans')
- 'Skirt' labuh
- Kasut / sandal yang bersesuaian (bukan selipar)
- Memakai kad metrik



Pakaian Sukan : Yang Bersesuaian Ketika di Gelanggang / Dewan Sukan / Padang / Bilik Gimnasium dan Majlis Sukan

- Baju T lengan pendek / panjang
- Seluar 'track bottom' / bersesuaian dengannya
- Kasut sukan
- Berstokin

Potongan Rambut Sepanjang Masa Berada di Kampus



Pakaian Yang Tidak Dibenarkan Semasa Di Kawasan Kampus

- Pakaian tidak sopan
- Baju T tanpa lengan / kolar
- Bertindik / memakai subang
- Berselipar / terompah / bercapal
- Mewarnakan rambut
- Bertatu
- Memakai bandana kecuali aktiviti rekreasi
- 'Mini-Skirt' atau seluar pendek di kawasan Kolej Kediaman
- Pakaian yang menjolok mata
- Baju T tanpa lengan / kolar
 - Berselipar / terompah
 - Memakai purdah
 - Mewarnakan rambut
 - Bertatu
- Memakai bandana kecuali aktiviti rekreasi

SISWA / SISWI

SISWA

SISWI